



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**PEMBERITAHUAN PERTUKARAN TEMPOH
PERAKAUNAN OLEH SYARIKAT /
PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD / BADAN
AMANAH / KOPERASI**

KETETAPAN UMUM NO. 4/2025

TARIKH PENERBITAN: 28 NOVEMBER 2025



**PEMBERITAHUAN PERTUKARAN
TEMPOH PERAKAUNAN OLEH
SYARIKAT / PERKONGSIAN LIABILITI
TERHAD / BADAN AMANAH / KOPERASI**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**Ketetapan Umum No. 4/2025
Tarikh Penerbitan: 28 November 2025**

Diterbitkan oleh
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Edisi ketiga pada 29 Disember 2021

Edisi kedua pada 6 Disember 2019

Edisi pertama pada 23 Ogos 2011

© 2025 oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua hak cipta terpelihara ke atas Ketetapan Umum ini adalah milik Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Satu salinan cetak atau elektronik boleh dibuat untuk kegunaan peribadi. Firma dan persatuan profesional dibenarkan untuk menggunakan Ketetapan Umum ini untuk tujuan latihan sahaja. Penerbitan semula secara sistemik atau berganda, pengedaran ke pelbagai lokasi melalui elektronik atau cara lain, duplikasi apa-apa bahan dalam Ketetapan Umum ini untuk bayaran atau tujuan komersil, atau pengubahsuaian kandungan Ketetapan Umum adalah dilarang sama sekali.

KANDUNGAN	Muka surat
1. Objektif	1
2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan	1
3. Tafsiran	1
4. Anggaran Cukai yang Kena Dibayar	2
5. Pemberitahuan Pertukaran Tempoh Perakaunan	9
6. Pengiraan Ansuran Cukai Dipinda Selepas Pertukaran Tempoh Perakaunan	12
7. Kenaikan Berkaitan Bayaran Ansuran Cukai dan Pindaan Anggaran Cukai Kena Dibayar	12
8. Kegagalan Memberitahu Pertukaran Tempoh Perakaunan	15
9. Kemaskini dan Pindaan	23
10. Penafian	24

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat Ketetapan Umum berkenaan dengan pemakaian mana-mana peruntukan dalam ACP.

Ketetapan Umum diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan tafsiran Ketua Pengarah berhubung dengan peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketua Pengarah boleh menarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian daripada Ketetapan Umum ini melalui notis penarikan balik atau dengan penerbitan Ketetapan Umum yang baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

1. Objektif

Objektif Ketetapan Umum (KU) ini adalah untuk menjelaskan keperluan memaklumkan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN) mengenai pertukaran tempoh perakaunan oleh sesebuah syarikat, perkongsian liabiliti terhadap, badan amanah atau koperasi yang perlu membuat bayaran secara ansuran ke atas anggaran cukai yang kena dibayar untuk suatu tahun taksiran (TT).

2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan

- 2.1 KU ini mengambil kira undang-undang yang telah berkuat kuasa pada tarikh KU ini diterbitkan.
- 2.2 Peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) yang berkaitan dengan KU ini adalah seksyen 2 dan 107C, subseksyen 21A(3A), 21A(8) dan 112(3A) serta perenggan 120(1)(i).

3. Tafsiran

Istilah yang digunakan dalam KU ini mempunyai maksud berikut:

- 3.1 “Anggaran dipinda” bermaksud anggaran dipinda yang dibuat dalam bulan kesebelas tempoh asas atau jika tiada anggaran dipinda yang dibuat pada bulan kesebelas tempoh asas, anggaran dipinda yang dibuat pada bulan kesembilan tempoh asas atau jika tiada anggaran dipinda yang dibuat pada bulan kesembilan tempoh asas, anggaran dipinda yang dibuat pada bulan keenam tempoh asas.
- 3.2 “Badan amanah” berhubungan dengan suatu amanah, bermaksud badan amanah yang diperuntukkan di bawah seksyen 61 ACP.
- 3.3 “Koperasi” bermaksud mana-mana koperasi yang didaftarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis berhubung dengan pendaftaran koperasi di Malaysia.
- 3.4 “Operasi” berkaitan suatu syarikat, perkongsian liabiliti terhadap, badan amanah atau koperasi bermaksud suatu aktiviti yang terdiri:
 - (a) daripada menjalankan suatu perniagaan;
 - (b) keseluruhannya dalam membuat pelaburan;
 - (c) daripada menjalankan perniagaan dan membuat pelaburan; atau
 - (d) daripada membuat pelaburan sebelum permulaan perniagaan atau selepas pemberhentian perniagaan.
- 3.5 “Perkongsian liabiliti terhadap” bermaksud suatu perkongsian liabiliti terhadap yang didaftarkan di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhadap 2012 [Akta 743].

- 3.6 “Syarikat” bermaksud suatu pertubuhan perbadanan dan termasuklah mana-mana kumpulan orang yang ditubuhkan dengan suatu identiti yang berasingan di sisi undang-undang oleh atau di bawah undang-undang sesuatu wilayah di luar Malaysia dan suatu amanah perniagaan.
- 3.7 “Syarikat berkaitan” bermaksud sebuah syarikat yang mempunyai modal berbayar berkaitan dengan saham biasa melebihi daripada RM2.5 juta pada permulaan tempoh asas bagi suatu TT.
- 3.8 “Tarikh akhir” bermaksud hari kelima belas bagi suatu bulan kalendar.

4. Anggaran Cukai yang Kena Dibayar

4.1 Penentuan anggaran cukai yang kena dibayar

Syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah atau koperasi hendaklah membuat anggaran cukai yang kena dibayar bagi setiap TT seperti berikut:

4.1.1 Baru beroperasi

Anggaran cukai yang kena dibayar bagi syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah atau koperasi yang baru memulakan operasi dalam TT pertama hendaklah berdasarkan anggaran keuntungan syarikat. Anggaran cukai yang kena dibayar bagi TT pertama tersebut akan menjadi asas kepada penentuan anggaran cukai yang kena dibayar bagi TT berikutnya.

4.1.2 Sedang beroperasi

Anggaran cukai yang kena dibayar bagi syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah atau koperasi yang telah memulakan operasi bagi suatu TT hendaklah tidak kurang daripada 85% anggaran cukai yang kena dibayar yang dipinda atau anggaran cukai yang kena dibayar (jika tiada pindaan anggaran cukai yang kena dibayar dikemukakan) bagi TT sebaik sebelumnya.

Contoh 1 - Penentuan anggaran cukai yang kena dibayar

Alpha Emas Sdn. Bhd. mengemukakan anggaran cukai yang kena dibayar sebanyak RM80,000 bagi TT 2024. Pada bulan ke-6 tempoh asas, syarikat telah meminda anggaran cukai yang kena dibayar tersebut kepada RM200,000.

Oleh itu, bagi TT 2025, Alpha Emas Sdn Bhd hendaklah mengemukakan anggaran cukai yang kena dibayar tidak kurang daripada RM170,000 (85% daripada anggaran cukai yang kena dibayar dipinda berjumlah RM200,000 bagi TT 2024).

4.2 Pengemukaan anggaran cukai yang kena dibayar

4.2.1 Anggaran cukai yang kena dibayar bagi suatu TT oleh syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah atau koperasi hendaklah dibuat dalam borang yang telah ditetapkan iaitu Borang Anggaran Cukai Yang Kena Dibayar (Borang CP204) dan, dalam keadaan yang mana perenggan 4.2.2 (a) atau (c) di bawah tidak terpakai, Borang CP 204 itu hendaklah dikemukakan kepada KPHDN melalui medium elektronik tidak lewat daripada 30 hari sebelum bermulanya tempoh asas bagi TT itu.

4.2.2 Tarikh akhir pengemukaan Borang CP204 adalah seperti berikut:

(a) Baru beroperasi (tempoh asas tidak kurang daripada 6 bulan)

Syarikat yang mana perenggan 4.2.2(c) di bawah tidak terpakai, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah atau koperasi yang pertama kali memulakan operasi dalam suatu TT dan mempunyai tempoh asas untuk tahun tersebut tidak kurang daripada 6 bulan hendaklah mengemukakan Borang CP204 kepada KPHDN dalam tempoh 3 bulan daripada tarikh permulaan operasinya.

Anggaran cukai yang kena dibayar yang dikemukakan dalam Borang CP204 hendaklah dibayar kepada KPHDN secara ansuran bulanan yang sama yang ditentukan mengikut bilangan bulan dalam tempoh asas itu. Setiap ansuran hendaklah dibayar tidak lewat daripada tarikh akhir mulai bulan ke-6 tempoh asas bagi suatu TT yang mana anggaran dikemukakan.

Contoh 2 - Tempoh asas bagi perniagaan baru beroperasi tidak kurang daripada 6 bulan

Koperasi Beribu Bintang telah ditubuhkan pada 25.2.2025. Koperasi memulakan operasi pada 1.4.2025 dan tempoh perakaunan pertama berakhir pada 31.12.2025 (9 bulan).

Koperasi Beribu Bintang perlu mengemukakan Borang CP204 untuk TT 2025 tidak lewat daripada 30.6.2025, iaitu 3 bulan daripada tarikh permulaan operasinya.

Bayaran ansuran akan bermula mulai bulan ke-6 dalam tempoh asas bagi TT 2025, iaitu mulai bulan September 2025 hingga Mei 2026 iaitu secara ansuran yang sama mengikut bilangan bulan dalam tempoh asas itu (9 bulan). Bayaran ansuran bulanan hendaklah dibuat tidak lewat daripada hari kelima belas bagi setiap bulan.

Contoh 3 - Tempoh asas bagi perniagaan baru beroperasi kurang daripada 6 bulan

Citra Maju PLT memulakan operasi pada 1.8.2025 dan tempoh perakaunan pertama berakhir pada 31.12.2025 (5 bulan).

Citra Maju PLT tidak perlu mengemukakan anggaran cukai yang kena dibayar bagi TT 2025 kerana tempoh asas PLT bagi TT 2025 adalah kurang daripada 6 bulan [subseksyen 107C(4) ACP].

(b) Sedang beroperasi

Syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah atau koperasi yang sedang beroperasi hendaklah mengemukakan Borang CP204 bagi suatu TT tidak lewat daripada 30 hari sebelum bermulanya tempoh asas bagi TT itu.

Anggaran cukai yang kena dibayar yang dikemukakan dalam Borang CP204 hendaklah dibayar kepada KPHDN secara ansuran bulanan yang sama yang ditentukan mengikut bilangan bulan dalam tempoh asas itu. Setiap ansuran hendaklah dibayar tidak lewat daripada tarikh akhir mulai bulan ke-2 tempoh asas bagi suatu TT yang mana anggaran itu dikemukakan.

Contoh 4 - Pengemukaan Borang CP204 bagi perniagaan yang sedang beroperasi

Dedaun Lebar, sebuah badan amanah telah memulakan operasi sejak tahun 2010 dan menutup akaun perniagaannya pada 30 Jun setiap tahun. Tempoh asas Dedaun Lebar untuk TT 2025 adalah daripada 1.7.2024 hingga 30.6.2025.

Dedaun Lebar perlu mengemukakan Borang CP204 kepada KPHDN tidak lewat daripada 30 hari sebelum permulaan tempoh asas bagi TT 2025 iaitu pada 31.5.2024.

Bayaran ansuran akan bermula mulai bulan ke-2 tempoh asas bagi TT 2025 iaitu Ogos 2024 hingga Julai 2025 secara ansuran yang sama mengikut bilangan bulan dalam tempoh asas itu. Bayaran ansuran bulanan hendaklah dibuat tidak lewat daripada hari ke lima belas bagi setiap bulan.

(c) Syarikat yang mempunyai modal berbayar berkenaan dengan saham biasa tidak melebihi RM2.5 juta yang baru beroperasi

Sebuah syarikat yang bermastautin dan diperbadankan di Malaysia yang baru memulakan operasi dalam suatu TT tidak perlu mengemukakan Borang CP204:

- (i) untuk TT itu dan TT sebaik selepas TT tersebut;
- (ii) bagi dua TT yang berikutnya, jika syarikat tidak mempunyai tempoh asas bagi TT itu;

dengan syarat bahawa pada awal tempoh asas bagi TT yang dirujuk di perenggan (i) di atas atau bagi dua TT yang berikutnya yang dirujuk di perenggan (ii) di atas, modal berbayar berkaitan saham biasa syarikat itu tidak melebihi RM2.5 juta.

- (iii) untuk TT itu dan dua TT yang terdekat yang berikutnya, jika syarikat itu tidak mempunyai tempoh asas bagi TT itu dan TT yang berikutnya:


dengan syarat bahawa semasa syarikat memulakan operasi dan pada permulaan tempoh asas dua TT yang berikutnya, modal berbayar berkaitan dengan saham biasa syarikat itu tidak melebihi RM2.5 juta.

Walau bagaimanapun, syarikat itu dikehendaki untuk mengemukakan Borang CP204 sekiranya lebih daripada:

- (i) 50% daripada modal berbayar berkaitan dengan saham biasa syarikat itu adalah secara langsung atau tidak langsung dimiliki oleh syarikat berkaitan; atau
- (ii) 50% daripada modal berbayar berkaitan dengan saham biasa syarikat berkaitan itu adalah secara langsung atau tidak langsung dimiliki oleh syarikat itu; atau
- (iii) 50% daripada modal berbayar berkaitan dengan saham biasa syarikat itu dan syarikat berkaitan itu adalah secara langsung atau tidak langsung dimiliki oleh syarikat lain; atau
- (iv) 20% daripada modal berbayar berkaitan dengan saham biasa syarikat pada permulaan tempoh asas suatu TT itu adalah secara langsung atau tidak langsung dimiliki oleh satu atau lebih syarikat yang diperbadankan di luar Malaysia atau oleh seorang atau lebih individu yang bukan warganegara Malaysia (syarat ini berkuat kuasa mulai TT 2024)

Contoh 5

Delight Sdn. Bhd. (DSB) mula beroperasi pada 1.1.2024 dengan tempoh perakaunan pertama ditutup dalam tahun yang sama. DSB dimiliki oleh pemegang saham seperti rajah di bawah:



B Co (Indonesia) merupakan syarikat yang diperbadankan di Indonesia dan memegang 50% saham biasa DSB.

Sebelum pindaan subseksyen 107C(4B) ACP, DSB layak pengecualian pengemukaan CP204 bagi TT 2024 dan 2025.

Namun, mulai TT 2024, DSB tidak layak menikmati pengecualian pengemukaan CP204 di bawah subseksyen 107C(4A) ACP memandangkan lebih daripada 20% saham syarikat dipegang oleh syarikat yang diperbadankan di luar Malaysia.

Oleh yang demikian, DSB perlu mengemukakan CP204 bagi TT 2024 dan tahun-tahun taksiran berikutnya.

Contoh 6

Fakta sama seperti Contoh 5.

DSB memulakan operasi perniagaan pada 1.1.2023. DSB telah dikecualikan daripada mengemukakan CP204 bagi TT 2023 iaitu pada tahun taksiran pertama beroperasi.

Mulai TT 2024, DSB perlu mengemukakan CP204 bagi TT 2024 kerana syarikat tidak lagi layak menikmati pengecualian di bawah subseksyen 107C(4A) ACP pada tahun kedua beroperasi.

Perenggan ini tidak terpakai kepada syarikat yang mempunyai modal berbayar berhubung saham biasa RM2.5 juta dan ke bawah yang bertukar kepada perkongsian liabiliti terhadap dengan sumbangan modal sebanyak RM2.5 juta dan ke bawah (walaupun perniagaan dianggap satu perniagaan yang berterusan).

- 4.2.3 Di bawah peruntukan baharu iaitu subseksyen 107C(11C) ACP, syarikat, perkongsian liabiliti terhadap, badan amanah atau koperasi yang menerima laba atau keuntungan dari pelupusan aset modal adalah tidak tertakluk kepada anggaran cukai kena dibayar dan bayaran ansuran.

4.3 Pindaan anggaran cukai yang kena dibayar

Pindaan anggaran cukai yang kena dibayar oleh syarikat, perkongsian liabiliti terhadap, badan amanah atau koperasi boleh dikemukakan kepada KPHDN pada bulan ke-6, ke-9 atau ke-11 atau dalam ketiga-tiga bulan dalam suatu tempoh asas bagi suatu TT dengan menggunakan Borang Pindaan Amaun Anggaran Cukai (Borang CP204A) melalui medium elektronik. Apa-apa baki ansuran cukai yang kena dibayar selepas pindaan hendaklah dilaraskan menggunakan pendekatan berikut:

- (a) sekiranya pindaan anggaran cukai yang kena dibayar melebihi jumlah ansuran yang kena dibayar dalam tahun itu sebelum pindaan anggaran cukai yang kena dibayar itu, perbezaannya hendaklah dibayar mengikut baki ansuran yang tinggal dalam nisbah yang sama. Namun, jika terdapat nilai sen apabila baki ansuran dibahagi dengan baki ansuran yang tinggal, amaun sen tersebut (sekiranya ada) hendaklah ditambah kepada ansuran terakhir; atau
- (b) sekiranya pindaan anggaran cukai yang kena dibayar kurang daripada jumlah ansuran yang kena dibayar dalam tahun itu sebelum pindaan anggaran cukai yang kena dibayar itu, bayaran bagi amaun baki ansuran yang tinggal yang melebihi perbezaan yang kena dibayar berdasarkan kepada pindaan anggaran cukai yang dibayar akan terhenti dengan serta-merta.

4.4 Arahan KPHDN untuk membuat bayaran ansuran

4.4.1 Menurut peruntukan subseksyen 107C(8) ACP, KPHDN boleh pada bila-bila masa melalui pengeluaran Notis Bayaran Ansuran (CP205), mengarahkan apa-apa bayaran ansuran atas dasar cukai yang kena atau mungkin kena dibayar bagi suatu TT untuk dibuat oleh mana-mana syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah atau koperasi dan amaun yang diarahkan oleh KPHDN itu disifatkan sebagai pindaan anggaran cukai yang kena dibayar oleh syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah atau koperasi itu. Antara keadaan di mana KPHDN boleh mengeluarkan CP205 ialah apabila:

- (a) pembayar cukai gagal untuk mengemukakan Borang CP204 dalam tempoh yang ditetapkan oleh undang-undang; atau
- (b) pembayar cukai memaklumkan pertukaran tempoh perakaunan melalui Borang CP204B kepada KPHDN.

4.4.2 Sekiranya KPHDN mengeluarkan CP205 kepada syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah atau koperasi sebelum bulan ke-11 tempoh asas bagi TT itu, syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah atau koperasi itu boleh mengemukakan pindaan kepada anggaran cukai yang kena dibayar bagi TT itu menurut subseksyen 107C(7) ACP.

Contoh 7 - Kelewatan mengemukakan Borang CP204

Era Gemilang Sdn. Bhd. telah beroperasi sejak 2000 dengan tempoh perakaunan berakhir pada 30 Jun. Tempoh asas syarikat bagi TT 2025 adalah mulai 1.7.2024 hingga 30.6.2025. Tarikh akhir pengemukakan Borang CP204 untuk TT 2025 adalah selewat-lewatnya pada 31.5.2024. CP205 telah dikeluarkan oleh KPHDN kepada Era Gemilang Sdn Bhd pada 15.6.2024 kerana syarikat gagal mengemukakan Borang CP204 untuk TT 2025 dalam tempoh yang ditetapkan.

Dalam situasi ini, syarikat itu boleh mengemukakan Borang CP204A bagi TT 2025 pada bulan ke-6, bulan ke-9 atau bulan ke-11 tempoh asas bagi TT itu.

4.4.3 Jumlah bayaran ansuran cukai yang diarahkan oleh KPHDN menurut subseksyen 107C(8) ACP adalah disifatkan sebagai pindaan anggaran cukai yang kena dibayar [(sekiranya tiada pindaan lanjut dibuat oleh pembayar cukai di bawah subseksyen 107C(7) ACP)] dan digunakan untuk menentukan amaun kenaikan di bawah subseksyen 107C(10) ACP. Amaun kenaikan 10 peratus akan dikenakan sekiranya perbezaan di antara cukai sebenar yang kena dibayar dengan pindaan anggaran cukai yang kena dibayar atau anggaran cukai kena dibayar

disifatkan dipinda (yang mana terkemudian) atau anggaran cukai kena dibayar asal (jika tiada pindaan anggaran cukai kena dibayar atau anggaran cukai kena dibayar disifatkan dipinda dikemukakan) melebihi 30% daripada cukai yang kena dibayar.

5. Pemberitahuan Pertukaran Tempoh Perakaunan

5.1 Peruntukan di bawah subseksyen 21A(3A) ACP menghendaki supaya syarikat, perkongsian liabiliti terhadap, badan amanah atau koperasi memaklumkan KPHDN mengenai sebarang pertukaran tempoh perakaunan melalui Borang Pemberitahuan Pertukaran Tempoh Perakaunan (Borang CP204B) dalam tempoh berikut:

5.1.1 Tempoh perakaunan dipendekkan

KPHDN hendaklah dimaklumkan melalui Borang CP204B, 30 hari sebelum berakhirnya tempoh perakaunan yang baharu jika tempoh perakaunan baharu adalah untuk tempoh kurang daripada 12 bulan dan akaun baharu ditutup sebelum berakhirnya tempoh perakaunan asal.


Contoh 8 - Tempoh perakaunan 12 bulan dipendekkan kepada 9 bulan

Frozen Dynamic Sdn Bhd menukar tarikh penutupan akaun perniagaannya daripada 31 Disember kepada 30 September. Tempoh perakaunan asal bagi TT 2025 adalah daripada 1.1.2025 hingga 31.12.2025. Tempoh perakaunan selepas pindaan (perakaunan baharu) bagi TT 2025 adalah daripada 1.1.2025 sehingga 30.9.2025 (9 bulan).

Ringkasan Pertukaran Tempoh Perakaunan dan Tarikh Pengemukaan Borang CP204 dan CP204B

Tempoh Perakaunan		TT	Tempoh Asas	Tarikh Pengemukaan	
				Borang CP204	Borang CP204B
<u>Asal</u> Akaun berakhir 31 Dis	1.1.2025 – 31.12.2025	2025	1.1.2025 – 31.12.2025	Selewat-lewatnya pada 1.12.2024	

<u>Baharu</u> Akaun berakhir 30 Sept	1.1.2025 – 30.9.2025	2025	1.1.2025 – 30.9.2025		Selewat- lewatnya pada 30.8.2025
	1.10.2025 – 30.9.2026	2026	1.10.2025 – 30.9.2026	Selewat- lewatnya pada 31.8.2025	



Borang CP204B bagi TT 2025 hendaklah dikemukakan tidak lewat daripada 30.8.2025 (30 hari sebelum berakhir tempoh perakaunan baharu iaitu pada **30.9.2025**).

Tempoh asas bagi TT 2026 bermula pada **1.10.2025**. Oleh itu, Borang CP204 untuk TT 2026 hendaklah dikemukakan pada atau sebelum **31.8.2025** iaitu tidak lewat daripada 30 hari sebelum bermulanya tempoh asas bagi TT 2026 [subseksyen 107c(2) ACP].

5.1.2 Tempoh perakaunan dipanjangkan

KPHDN hendaklah dimaklumkan melalui Borang CP204B, 30 hari sebelum tarikh akhir tempoh perakaunan asal jika tempoh perakaunan baharu adalah untuk tempoh melebihi 12 bulan dan akaun baharu ditutup selepas berakhirnya tempoh perakaunan asal.


Contoh 9 - Tempoh perakaunan 12 bulan dipanjangkan kepada 21 bulan

Gahara Maju Sdn Bhd menukar tarikh penutupan akaun perniagaannya daripada 31 Mac kepada 31 Disember. Tempoh perakaunan asal bagi TT 2025 adalah daripada 1.4.2024 hingga

31.3.2025. Tempoh perakaunan selepas pindaan (akaun baharu) bagi TT 2025 adalah daripada 1.4.2024 hingga 31.12.2025 (21 bulan).

**Ringkasan Pertukaran Tempoh Perakaunan dan
Tarikh Pengemukakan Borang CP204 dan CP204B**

Tempoh Perakaunan		TT	Tempoh Asas	Tarikh Pengemukakan	
				Borang CP204	Borang CP204B
<u>Asal</u> Akaun berakhir 31 Mac	1.4.2024 – 31.3.2025	2025	1.4.2024 – 31.3.2025	Selewat-lewatnya pada 1.3.2024	
<u>Baharu</u> Akaun berakhir 31 Dis	1.4.2024 – 31.12.2025	2025	1.4.2024 – 31.12.2025		Selewat-lewatnya pada 28.2.2025
	1.1.2026 – 31.12.2026	2026	1.1.2026 – 31.12.2026	Selewat-lewatnya pada 1.12.2025	



Borang CP204B bagi TT 2025 hendaklah dikemukakan tidak lewat daripada 28.2.2025 (30 hari sebelum berakhir tempoh perakaunan asal iaitu pada **31.3.2025**).

Oleh itu, Borang CP204 bagi TT 2026 hendaklah dikemukakan pada atau sebelum **1.12.2025** (tidak lewat daripada 30 hari sebelum bermulanya tempoh asas bagi TT yang berkenaan iaitu **1.1.2026**).

5.2 Pertukaran tempoh perakaunan berikutan penyelesaian syarikat

5.2.1 Bagi sebuah syarikat dalam penyelesaian, akaun penyelesai (*Liquidator's Account of Receipts & Payments & Statements of the Position in the Winding Up*) perlu disediakan untuk tempoh 6 bulan dari tarikh penyelesai dilantik dan kemudian, bagi tempoh setiap 6 bulan berikutnya.

5.2.2 Oleh itu, syarikat dalam proses penyelesaian hendaklah mengemukakan Borang CP204B selewat-lewatnya 30 hari selepas pelantikan penyelesai bersama dengan surat rayuan kepada KPHDN untuk mengelakkan pengenaan penalti atau kenaikan bayaran cukai yang dikenakan berikutan kegagalan untuk memaklumkan pertukaran tempoh perakaunan dalam tempoh yang ditetapkan.

6. **Pengiraan Ansuran Cukai Dipinda Selepas Pertukaran Tempoh Perakaunan**

Pengiraan ansuran cukai dipinda selepas pertukaran tempoh perakaunan telah dijelaskan dalam Garis Panduan Operasi Bil. 1 Tahun 2021 bertajuk Pengemukaan Anggaran Cukai Yang Kena Dibayar Di Bawah Seksyen 107c Akta Cukai Pendapatan 1967. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk garis panduan tersebut yang boleh dimuat turun di bawah menu Garis Panduan Operasi di Portal rasmi Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM), www.hasil.gov.my.

7. **Kenaikan Berkaitan Bayaran Ansuran Cukai dan Pindaan Anggaran Cukai yang Kena Dibayar**

7.1 Subseksyen 107c (9) ACP

Sekiranya syarikat, PLT, badan amanah atau koperasi gagal membuat bayaran ansuran bulanan bagi anggaran cukai yang kena dibayar dalam tempoh yang ditetapkan, kenaikan sebanyak 10% akan dikenakan ke atas bayaran ansuran bulanan yang tidak dibayar tanpa sebarang notis dikeluarkan.

Pengiraan amaun kenaikan cukai adalah seperti berikut:

Amaun kenaikan cukai = Amaun ansuran bulanan yang tidak dibayar x 10%

Contoh 10:

Bil	Tarikh kena bayar	Amaun CP204 (RM)	Tarikh bayaran	Amaun bayaran (RM)	Amaun belum dibayar (RM)	Kenaikan 10% (RM)
1	15/03/2025	10,000	20/03/2025	2,000	8,000	1,000
2	15/04/2025	10,000	30/04/2025	0	10,000	1,000

Nota : Pengiraan kenaikan adalah 10% daripada RM10,000 kerana jumlah yang dibayar RM2,000 adalah selepas tempoh yang ditetapkan iaitu 15.3.2025.

7.2 Subseksyen 107c(10) ACP

Dalam keadaan di mana cukai sebenar yang kena dibayar melebihi anggaran cukai dipinda atau anggaran cukai disifatkan dipinda (yang mana terkemudian) atau anggaran cukai asal (jika tiada anggaran cukai dipinda atau anggaran cukai disifatkan dipinda dikemukakan) dengan jumlah melebihi 30% daripada cukai sebenar yang kena dibayar, kenaikan cukai sebanyak 10% akan dikenakan ke atas perbezaan antara amaun tersebut dan 30% daripada cukai yang kena dibayar.

Pengiraan amaun kenaikan cukai adalah seperti berikut:

Amaun kenaikan cukai = $[(CS - AC) - (30\% \times CS)] \times 10\%$

Di mana:

CS: Cukai sebenar yang kena dibayar

AC: Anggaran cukai dipinda atau anggaran cukai yang kena dibayar disifatkan dipinda (yang mana terkemudian) atau anggaran cukai yang kena dibayar asal (jika tiada anggaran cukai dipinda atau anggaran cukai disifatkan dipinda dikemukakan).

Contoh 11

Labu Labi Sdn Bhd yang kebiasaannya menutup akaun perniagaannya pada 30 Jun setiap tahun telah menukar tempoh perakaunannya kepada 31 Disember (lebih daripada 12 bulan) berakhir dalam tahun yang sama.

TT	Tempoh Perakaunan	Tempoh
2024	1.7.2023 – 30.6.2024	12 bulan
Tahun gagal	1.7.2024 – 31.12.2025	18 bulan
	1.1.2026 – 31.12.2026	12 bulan

Tempoh Asas Syarikat

TT	Tempoh Asas	Tempoh
2024	1.7.2023 – 30.6.2024	12 bulan
2025	1.7.2024 – 31.12.2025	18 bulan
2026	1.1.2026— 31.12.2026	12 bulan

Anggaran cukai kena dibayar yang asal (Borang CP204) bagi TT 2025 adalah RM24,000. Syarikat telah mengemukakan Borang CP204B pada 24.4.2025 bersama dengan surat rayuan untuk meminda anggaran cukai kena dibayar kepada RM40,000. CP205 telah dikeluarkan oleh KPHDN pada 29.4.2025 dengan pindaan anggaran cukai yang kena dibayar sebanyak RM40,000. Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) untuk TT 2025 yang diterima pada 30.7.2026 menunjukkan bahawa amaun cukai sebenar yang kena dibayar bagi TT 2025 adalah RM60,000.

CP205 adalah disifatkan sebagai anggaran cukai yang kena dibayar untuk Labu Labi Sdn Bhd dan kenaikan di bawah subseksyen 107c(10) ACP dikira seperti berikut:

TT 2025	RM
Cukai sebenar yang kena dibayar (CS)	60,000
Pindaan anggaran cukai yang kena dibayar (AC)	<u>40,000</u>
Perbezaan	<u>20,000</u>

Pengiraan amaun kenaikan cukai adalah seperti berikut:

$$\begin{aligned} &= (\text{RM}60,000 - \text{RM}40,000) - (30\% \times \text{RM}60,000) \\ &= \text{RM}20,000 - \text{RM}18,000 \\ &= \text{RM}2,000 \end{aligned}$$

Kenaikan di bawah subseksyen 107c(10) ACP

$$\begin{aligned} &= \text{RM}2,000 \times 10\% \\ &= \text{RM}200 \end{aligned}$$

7.3 Subseksyen 107c (10A) ACP

Kenaikan cukai 10% di bawah subseksyen 107c(10A) ACP dikenakan ke atas cukai yang kena dibayar jika:

- i. tiada anggaran cukai dikemukakan oleh sesuatu syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah atau koperasi dan tiada arahan dikeluarkan oleh KPHDN untuk membuat bayaran secara ansuran di bawah subseksyen 107c(8) ACP;
- ii. tiada tindakan pendakwaan diambil di bawah perenggan 120(1)(f) ACP atas kegagalan mengemukakan anggaran cukai; dan
- iii. cukai itu kena dibayar oleh syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah atau koperasi bagi suatu tahun taksiran.

8. Kegagalan Pemberitahuan Pertukaran Tempoh Perakaunan

8.1 Berkuat kuasa mulai TT 2019, sekiranya syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah atau koperasi gagal mengemukakan Borang CP204B dalam tempoh yang ditetapkan, tindakan berikut akan diambil oleh KPHDN:

- 8.1.1 mengenakan 10% kenaikan di bawah subseksyen 107c(9) ACP berhubung dengan kegagalan pembayar cukai membuat bayaran ansuran;
- 8.1.2 mengenakan 10% kenaikan di bawah subseksyen 107c(10) ACP berhubung dengan perbezaan melebihi 30% di antara amaun sebenar cukai yang kena dibayar dan anggaran cukai dipinda atau anggaran cukai disifatkan dipinda (yang mana terkemudian) atau anggaran cukai yang asal (jika tiada anggaran cukai dipinda atau anggaran cukai disifatkan dipinda dikemukakan); atau
- 8.1.3 mengenakan penalti di bawah subseksyen 112(3) ACP berhubung dengan taksiran anggaran yang dibangkitkan di bawah subseksyen 90(3) ACP [subseksyen 112(3A) ACP]; atau
- 8.1.4 memulakan tindakan pendakwaan di bawah perenggan 120(1)(i) ACP berhubung dengan kegagalan untuk memaklumkan KPHDN mengenai pertukaran tempoh perakaunan dalam tempoh yang ditetapkan di bawah subseksyen 21A(3A) ACP.

8.2 Apa-apa penalti atau kenaikan yang disebut dalam perenggan 8.1.1, 8.1.2 dan 8.1.3 di atas yang dikenakan berdasarkan tempoh perakaunan asal akan dikekalkan dan boleh dipungut seolah-olah penalti atau kenaikan tersebut merupakan cukai yang kena dibayar kepada Kerajaan mengikut peruntukan sedia ada di bawah ACP walaupun syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah atau koperasi telah mengemukakan pindaan anggaran cukai yang kena dibayar atau mengemukakan BNCP dalam tempoh yang ditetapkan berdasarkan tempoh perakaunan yang bertukar.

- 8.3 Tindakan pendakwaan yang disebut dalam perenggan 8.1.4 di atas boleh dimulakan terhadap pembayar cukai yang gagal memaklumkan KPHDN mengenai pertukaran tempoh perakaunan dalam tempoh yang ditetapkan. Sekiranya disabitkan, pembayar cukai itu boleh dikenakan denda tidak kurang daripada RM200 dan tidak melebihi RM20,000 atau pemenjaraan bagi tempoh tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya. Tindakan pendakwaan ini masih boleh diteruskan walaupun pembayar cukai itu telah mengemukakan BNCP.

Contoh 12 - Tempoh perakaunan dipendekkan dan tiada pemberitahuan dikemukakan

NSKL Sdn Bhd menutup akaun perniagaannya pada 31 Disember setiap tahun.

TT 2024

Syarikat mengemukakan anggaran cukai yang kena dibayar melalui Borang CP204 bagi TT 2024 berjumlah RM24,000 dengan bayaran ansuran dibuat daripada 15.2.2024 hingga 15.1.2025. BNCP untuk TT 2024 telah dikemukakan pada 31.7.2025 dengan jumlah cukai yang kena di bayar berjumlah RM14,000.

TT 2025

Borang CP204 syarikat bagi TT 2025 telah diterima pada 30.11.2024 dengan anggaran cukai yang kena dibayar berjumlah RM30,000 bagi tempoh asas daripada 1.1.2025 hingga 31.12.2025. Syarikat mematuhi Borang CP204 hingga 31.12.2025.

Syarikat kemudiannya menukar tempoh perakaunannya daripada 31.12.2025 kepada 30.6.2025 tetapi Borang CP204B tidak dikemukakan kepada KPHDN pada atau sebelum 30.5.2025.

BNCP untuk TT 2025 telah dikemukakan pada 31.1.2026 bagi tempoh perakaunan yang baharu daripada 1.1.2025 hingga 30.6.2025 dengan cukai yang kena dibayar berjumlah RM50,000.

TT 2026

Pada 25.1.2026, KPHDN telah mengeluarkan CP205 berdasarkan Borang CP204 bagi TT 2026 berjumlah RM30,000. Syarikat tidak mengemukakan Borang CP204 kepada KPHDN bagi TT 2026 untuk tempoh perakaunan daripada 1.7.2025 hingga 30.6.2026 dan tiada bayaran ansuran cukai dibuat oleh syarikat. Pada 31.1.2027, syarikat telah mengemukakan BNCP tidak kena cukai bagi TT 2026.

**Ringkasan Pertukaran Tempoh Perakaunan dan
Pindaan Anggaran Cukai yang Kena Dibayar**

Tempoh Perakaunan Asal	Tempoh Perakaunan Baharu	TT	Tempoh Asas	Anggaran Cukai yang Kena Dibayar RM	Cukai Sebenar yang Kena Dibayar RM
1.1.2024 – 31.12.2024	Tidak berkenaan	2024	1.1.2024 – 31.12.2024 (12 bulan)	CP204 24,000	14,000
1.1.2025 – 31.12.2025	1.1.2025 – 30.6.2025	2025	1.1.2025 – 30.6.2025 (6 bulan)	CP204 30,000	50,000
Tidak berkenaan	1.7.2025 – 30.6.2026	2026	1.7.2025 – 30.6.2026 (12 bulan)	CP205 30,000	0

TT 2024

BNCP untuk TT 2024 telah disifatkan pada 31.7.2025 dengan cukai sebenar yang kena dibayar sebanyak RM14,000. Amaun anggaran cukai yang kena dibayar berjumlah RM24,000 akan dibandingkan dengan cukai sebenar yang kena dibayar berjumlah RM14,000. Oleh sebab anggaran cukai yang kena dibayar di dalam Borang CP204 melebihi cukai sebenar yang kena dibayar, tiada kenaikan di bawah subseksyen 107c(10) ACP dikenakan ke atas syarikat.

TT 2025

Syarikat mengemukakan Borang CP204 pada 30.11.2024, iaitu dalam tempoh yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, semasa pertukaran tempoh perakaunan, syarikat gagal mengemukakan Borang CP204B kepada KPHDN tidak lewat daripada 30 hari sebelum bermulanya tempoh perakaunan yang baharu iaitu pada 30.5.2025.

Tindakan pendakwaan di bawah perenggan 120(1)(i) ACP boleh diambil terhadap NSKL Sdn Bhd berikutan kegagalannya mengemukakan Borang CP204B kepada KPHDN. Tindakan pendakwaan ini masih boleh diteruskan walaupun syarikat telah mengemukakan BNCP untuk TT 2025 pada 31.1.2026.

Tarikh akhir pengemukaan BNCP bagi TT 2025 berdasarkan tempoh perakaunan yang baharu adalah pada 31.1.2026. NSKL Sdn Bhd telah mengemukakan BNCP syarikat dalam tempoh yang ditetapkan iaitu pada 31.1.2026 bagi tempoh perakaunan daripada 1.1.2025 hingga 30.6.2025. Oleh itu, taksiran untuk TT 2025 adalah disifatkan pada 31.1.2026 dengan cukai sebenar yang kena dibayar sebanyak RM50,000.

Perbezaan di antara cukai sebenar yang kena dibayar dengan anggaran cukai yang kena dibayar (sepertimana Borang CP204) melebihi 30% seperti pengiraan di bawah. Oleh itu, syarikat akan dikenakan kenaikan cukai di bawah subseksyen 107c(10) ACP seperti berikut:

$$\begin{aligned} &= [(RM50,000 - RM30,000) - (30\% \times RM50,000)] \times 10\% \\ &= RM20,000 - RM15,000 = RM5,000 \\ &= RM5,000 \times 10\% \\ &= RM500 \end{aligned}$$

TT 2026

Syarikat mengemukakan BNCP bagi TT 2026 pada 31.1.2027. CP205 bagi TT 2026 yang dikeluarkan oleh KPHDN akan dibandingkan dengan cukai sebenar yang kena dibayar oleh syarikat. Oleh sebab cukai sebenar yang kena dibayar bagi TT 2026 adalah tidak kena cukai dan kurang daripada CP205, kenaikan di bawah subseksyen 107c(10) ACP tidak akan terpakai.

Walau bagaimanapun, kenaikan di bawah subseksyen 107c(9) ACP akan dikenakan ke atas syarikat kerana kegagalannya mematuhi CP205. Kenaikan di bawah subseksyen 107c(9) ACP ini akan dikekalkan dan boleh dipungut walaupun syarikat telah mengemukakan BNCP tidak kena cukai.

Contoh 13 - Tempoh perakaunan dipanjangkan dan tiada pemberitahuan dikemukakan

Omega Mining Sdn Bhd menutup akaun perniagaannya pada 30 Jun setiap tahun.

TT 2024

Syarikat mengemukakan anggaran cukai kena dibayar melalui Borang CP204 bagi TT 2024 berjumlah RM24,000 dengan bayaran ansuran dibuat daripada 15.8.2023 hingga 15.7.2024.

BNCP untuk TT 2024 telah dikemukakan pada 31.1.2025 dengan jumlah cukai yang kena dibayar sebanyak RM44,000.

TT 2025

Borang CP204 syarikat bagi TT 2025 telah diterima oleh KPHDN pada 31.5.2024 dengan anggaran cukai yang kena dibayar berjumlah RM36,000 bagi tempoh asas mulai daripada 1.7.2024 hingga 30.6.2025. Syarikat mematuhi bayaran ansuran sepertimana Borang CP204 hingga 15.7.2025.

Syarikat kemudiannya telah menukar tempoh perakaunan dengan melanjutkannya hingga 31.12.2025 tetapi tiada Borang CP204B dikemukakan kepada KPHDN pada atau sebelum 31.5.2025.

Taksiran anggaran di bawah subseksyen 90(3) ACP untuk TT 2025 telah dibangkitkan dengan penalti di bawah subseksyen 112(3) ACP pada 1.6.2026 dengan cukai yang kena dibayar berjumlah RM55,000 kerana BNCP bagi TT 2025 tidak diterima pada 31.1.2026.

BNCP untuk TT 2025 telah dikemukakan pada 31.7.2026 bagi tempoh perakaunan daripada 1.7.2024 hingga 31.12.2025 dengan cukai yang kena dibayar sebanyak RM40,000. Taksiran bagi TT 2025 telah disemak semula pada 10.8.2026 dan taksiran anggaran yang dibangkitkan di bawah subseksyen 90(3) ACP pada 1.6.2026 telah dikurangkan kepada RM40,000.

TT 2026

Pada 25.6.2025, KPHDN telah mengeluarkan CP205 berdasarkan Borang CP204 bagi TT 2025 berjumlah RM36,000 dengan ansuran bermula daripada 15.8.2025 hingga 15.7.2026 kerana tiada Borang CP204 untuk TT 2026 atau Borang CP204B untuk TT 2025 diterima oleh KPHDN pada atau sebelum 31.5.2025. Tiada bayaran ansuran cukai dibuat oleh syarikat terhadap CP205.

Pada 31.7.2027, syarikat telah mengemukakan BNCP untuk TT 2026 bagi tempoh perakaunan baharu daripada 1.1.2026 hingga 31.12.2026 dengan cukai yang kena dibayar sebanyak RM80,000.

**Ringkasan Pertukaran Tempoh Perakaunan dan
Pindaan Anggaran Cukai yang Kena Dibayar**

Tempoh Perakaunan Asal	Tempoh Perakaunan Pindaan	TT	Tempoh Asas	Anggaran Cukai yang Kena Dibayar RM	Cukai Sebenar yang Kena Dibayar RM
1.7.2023 – 30.6.2024	Tidak berkenaan	2024	1.7.2023 – 30.6.2024 (12 bulan)	CP204 24,000	44,000
1.7.2024 – 30.6.2025	1.7.2024 – 31.12.2025	2025	1.7.2024 – 31.12.2025 (18 bulan)	CP 204 36,000	40,000
Tidak berkenaan	1.1.2026 – 31.12.2026	2026	1.1.2026 – 31.12.2026 (12 bulan)	CP205 36,000	80,000

TT 2024

BNCP untuk TT 2024 telah disifatkan pada 31.1.2025 berjumlah RM44,000. Anggaran cukai yang kena dibayar berjumlah RM24,000 sepertimana Borang CP204 akan dibandingkan dengan cukai sebenar yang kena dibayar berjumlah RM44,000. Oleh sebab cukai sebenar yang kena dibayar melebihi anggaran cukai yang kena dibayar dengan perbezaan melebihi 30%, syarikat akan dikenakan kenaikan cukai di bawah subseksyen 107C(10) ACP seperti berikut:

$$\begin{aligned}
 &= [(RM44,000 - RM24,000) - (30\% \times RM44,000)] \times 10\% \\
 &= RM20,000 - RM13,200 \\
 &= RM6,800 \times 10\% \\
 &= RM680
 \end{aligned}$$

TT 2025

Syarikat mengemukakan Borang CP204 pada 31.5.2024 iaitu dalam tempoh yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, semasa pertukaran tempoh perakaunan, syarikat gagal mengemukakan Borang CP204B tidak lewat daripada 30 hari sebelum berakhirnya tempoh perakaunan asal iaitu 31.5.2025.

Tindakan pendakwaan di bawah perenggan 120(1)(i) ACP boleh dimulakan ke atas Omega Mining Sdn Bhd berikutan kegagalannya mengemukakan Borang CP204B kepada KPHDN. Tindakan pendakwaan ini masih boleh diteruskan walaupun syarikat telah mengemukakan BNCP untuk TT 2025 pada 31.7.2026.

Taksiran anggaran yang dibangkitkan di bawah subseksyen 90(3) ACP disifatkan pada 1.6.2026 dengan cukai yang kena dibayar sebanyak RM55,000. Cukai yang kena dibayar yang disifatkan di bawah subseksyen 90(3) ACP akan dibandingkan dengan anggaran cukai yang kena dibayar sepertimana Borang CP204 bagi menentukan kenaikan di bawah subseksyen 107C(10) ACP. Oleh sebab perbezaan di antara cukai yang kena dibayar dengan anggaran cukai yang kena dibayar melebihi 30%, syarikat akan dikenakan kenaikan cukai di bawah subseksyen 107C(10) ACP seperti berikut:

$$= [(RM55,000 - RM36,000) - (30\% \times RM55,000)] \times 10\%$$

$$= RM19,000 - RM16,500$$

$$= RM2,500 \times 10\%$$

$$= RM250$$

Tarikh akhir pengemukaan BNCP bagi TT 2025 berdasarkan tempoh perakaunan baharu adalah pada 31.7.2026. Omega Mining Sdn Bhd telah mengemukakan BNCP pada 31.7.2026, iaitu dalam tempoh yang ditetapkan bagi tempoh perakaunan daripada 1.7.2024 hingga 31.12.2025 dengan cukai yang telah dipinda berjumlah RM40,000.

Walaupun cukai yang kena dibayar untuk TT 2025 telah dipinda kepada RM40,000 dan perbezaannya dengan anggaran cukai yang kena dibayar sepertimana Borang CP204 tidak melebihi 30%, kenaikan di bawah subseksyen 107C(10) ACP tetap dikekalkan [subseksyen 107C(11B) ACP] dan penalti di bawah subseksyen 112(3) ACP berhubung dengan taksiran anggaran pertama di bawah subseksyen 90(3) ACP bagi TT 2025 yang dibangkitkan pada 1.6.2026 hendaklah dikekalkan dan boleh dipungut [subseksyen 112(3A) ACP].

TT 2026

Tiada Borang CP204 dikemukakan oleh syarikat bagi tempoh perakaunan daripada 1.7.2025 hingga 30.6.2026. Oleh itu, KPHDN telah mengeluarkan CP205 pada 25.6.2025 untuk TT 2026 berdasarkan anggaran cukai yang kena dibayar bagi TT 2025 berjumlah RM36,000.

Kenaikan di bawah subseksyen 107C(9) ACP akan dikenakan ke atas syarikat kerana kegagalannya mematuhi CP205. Kenaikan di bawah subseksyen 107C(9) ACP ini akan dikekalkan dan masih boleh dipungut walaupun syarikat telah mengemukakan BNCP untuk TT 2026.

CP205 yang dikeluarkan oleh KPHDN akan dibandingkan dengan cukai sebenar yang kena dibayar oleh syarikat sebanyak RM80,000. Oleh sebab cukai yang kena dibayar melebihi amaun di bawah CP205 dengan perbezaan melebihi 30%, syarikat akan dikenakan kenaikan cukai di bawah subseksyen 107C(10) ACP seperti berikut:

$$= [(RM80,000 - RM36,000) - (30\% \times RM80,000)] \times 10\%$$

$$= RM44,000 - RM24,000$$

$$= RM20,000 \times 10\%$$

$$= RM2,000$$

9. Kemaskini dan Pindaan

KU ini menggantikan KU No. 6/2021 bertarikh 29 Disember 2021	Pindaan dan Kemaskini	
	Kandungan KU ini telah dipinda dan dikemaskini seperti berikut:	
	Perenggan	Penjelasan
	3	Perenggan 3.1 dipinda
	4, 5, 7 dan 8	Contoh-contoh dikemaskini kepada tahun terkini
	4	i) Perenggan 4.2.2 (c) ditambah ii) Perenggan 4.2.3 ditambah iii) Contoh 5 dan 6 ditambah iv) Perenggan 4.3 dikemaskini
	7	Perenggan 7.3 dikemaskini

10. Penafian

Contoh-contoh di dalam KU ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan tidak menyeluruh.

11. KU ini perlu dibaca bersama dengan Ketetapan Umum No. 8/2014 mengenai Tempoh Asas bagi Suatu Syarikat, PLT, Badan Amanah dan Koperasi.
12. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Garis Panduan Operasi Bil.1 Tahun 2021 - Pengemukaan Anggaran Cukai Yang Kena Dibayar Di Bawah Sekyen 107c Akta Cukai Pendapatan 1967 yang boleh dimuat turun di bawah Garis Panduan Operasi di Portal rasmi Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM), www.hasil.gov.my.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**